

SALUTASI

YAA Dato Rohana binti Yusuf
Presiden Mahkamah Rayuan;

YAA Tan Sri Dato' Sri Azhar bin
Mohamed
Hakim Besar Malaya;

Yang Berhormat Puan Teo Nei
Ching
Timbalan Menteri Pendidikan;

Yang Berhormat Tuan
Mohamed Hanipa bin Maidin

Timbalan Menteri di Jabatan
Perdana Menteri (Undang-
Undang);

YA Dato Wan Farid bin Wan
Salleh

Hakim Mahkamah Tinggi Kota
Bharu

Yang Berhormat Dato' Dr
Mohamed Fadzil bin Dato' Haji
Hassan

Pengerusi Jawatankuasa
Pembangunan Insan,
Pendidikan, Pengajian Tinggi,
Sains dan Teknologi, Majlis
Mesyuarat Kerajaan Negeri
Kelantan;

Yg Berusaha Tuan Ahmad
Terrirudin bin Mohd Salleh
Ketua Pendaftar Mahkamah
Persekutuan Malaysia;

Yg Berusaha Tuan Haji
Adzman bin Talib

Timbalan Ketua Pengarah
Pelajaran Malaysia – Sektor
Operasi Sekolah;

Yg Berusaha Tuan Abu
Hanipah @ Fauzi bin Zahari

Pengarah Pendidikan Negeri
Kelantan;

Yg Berusaha Tuan Haji Rosdi
bin Mat

Pengetua Maktab Sultan
Ismail, Kota Bharu

Dato-Dato, Tuan-tuan and
puan-puan yang saya hormati
sekalian,

Assalamu'alaikum wbt dan
salam sejahtera

1. Alhamdullilah, syukur kita ke
hadrat Allah s.w.t kerana

dengan limpah kurnia dan izinNya jua kita dapat berhimpun pada pagi ini sempena Majlis Pelancaran Program “Dari Bilik Bicara ke Bilik Darjah” “MYC2C” dan portal MyC2C di Maktab Sultan Ismail, Kota Bahru, Kelantan.

2. Bagai sirih pulang ke gagang, bagai ikan pulang ke lubuk, itulah perumpamaannya kehadiran saya ke sekolah ini

pada hari ini. Sesungguhnya saya merasa amat bertuah dan terharu kerana setelah lebih 44 tahun meninggalkan sekolah ini, hari ini saya, dengan izin Allah swt berpeluang menjejakkan kaki semula ke sekolah ini.

3. Program MYC2C yang dianjurkan pada hari ini telah dicetuskan oleh mantan Ketua Hakim Negara Tan Sri Richard

Malanjum sebelum ianya direalisasikan oleh PKPMP dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri (JPM), dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Program ini pertama kali diadakan pada 8 April 2019 di SMK Putrajaya Presint 8 (1). Ia adalah salah satu usaha Badan Kehakiman untuk meningkatkan literasi

undang-undang dan disasarkan kepada pelajar-pelajar peringkat sekolah rendah dan menengah.

Hadirin dan hadirat sekalian,

4. Pada amnya, pendidikan undang-undang atau pendidikan mengenai sistem pentadbiran keadilan negara dipelajari di peringkat

Universiti, yang menawarkan kursus atau subjek undang-undang. Ini bermaksud sesiapa yang tidak mempelajari subjek itu tidak akan didedahkan dengan undang-undang atau sistem keadilan negara. Akibatnya adalah rata-rata rakyat Malaysia kurang memahami, misalnya perbezaan di antara fungsi sebenar Mahkamah, Peguam Negara dan agensi-agensi

penguatkuasaan dan bagaimana prosiding atau perjalanan sesuatu kes berlangsung di Mahkamah, juga bagaimana proses sesuatu keputusan dicapai oleh Mahkamah berhubung sesuatu pertikaian, sama ada melibatkan kes sivil atau jenayah. Mungkin juga ramai yang tidak faham mengenai prinsip kebebasan kehakiman dan apa kepentingannya dan

bagaimana prinsip ini direalisasikan oleh para hakim dalam membicarakan dan memutuskan kes-kes. Saya juga percaya bukan semua rakyat Malaysia faham tentang undang-undang tertinggi Negara iaitu Perlembagaan Persekutuan, sedangkan keluhuran Perlembagaan adalah prinsip ketiga Rukun Negara.

5. Mahkamah atau Badan Kehakiman adalah badan yang bertanggungjawab untuk melaksanakan undang-undang termasuk Perlembagaan Persekutuan. Mahkamah juga bertanggungjawab menegakkan prinsip kedaulatan undang-undang. Kedaulatan undang-undang merupakan prinsip keempat Rukun Negara. Oleh yang demikian adalah penting untuk

masyarakat memahami
bagaimana Mahkamah
melaksanakan
tanggungjawabnya
menegakkan kedaulatan
undang-undang. Apa yang
berlaku pada masa kini,
disebabkan kurang
kefahaman, ada di kalangan
masyarakat yang mempunyai
pandangan dan tanggapan
negatif terhadap hakim-hakim
dan badan kehakiman.

6. Melalui Media Sosial masyarakat seringkali membuat kritikan yang tidak berasas dan tidak adil terhadap Badan Kehakiman, terutamanya apabila sesuatu kes yang menarik perhatian masyarakat umum diputuskan yang mana keputusan itu tidak selari dengan pandangan masyarakat. Kritikan yang tidak adil dan tidak berasas boleh

menjejaskan keyakinan orang ramai terhadap Badan Kehakiman, sekali gus terhadap sistem pentadbiran keadilan negara. Ini merupakan salah satu cabaran Badan Kehakiman, iaitu untuk menangani tanggapan negatif masyarakat terhadap Mahkamah. Dalam mengharungi cabaran ini, saya percaya pendidikan melalui program MYC2C ini dapat

memberi pendedahan awal kepada pelajar-pelajar yang satu masa, akan menjadi golongan dewasa dan pemimpin, mengenai fungsi Badan Kehakiman dan sistem pentadbiran keadilan negara supaya segala salah faham dan kekeliruan dapat diatasi atau dikurangkan.

7. Justeru, Badan Kehakiman telah mengorak langkah yang

proaktif untuk mendekati masyarakat, khususnya pelajar-pelajar di peringkat sekolah rendah dan menengah. Melalui program MYC2C ini, para pelajar berpeluang untuk melihat dengan lebih dekat dan mengetahui dengan lebih jelas mengenai sistem kehakiman dan perundangan Negara. Ia juga dapat menerapkan sikap dan budaya menghormati

undang-undang di kalangan para pelajar.

8. Pelancaran Portal MYC2C
iaitu

[http://myc2c.kehakiman.gov.](http://myc2c.kehakiman.gov.my)

my pada hari ini pula akan memudahkan pihak sekolah untuk memohon program MYC2C secara *online*. Diharapkan usaha ini dapat menggalakkan lagi penyertaan

pihak sekolah terhadap program MYC2C ini.

Hadirin sekalian,

9. Program MYC2C meliputi tiga modul utama iaitu lawatan ke mahkamah, hakim ke sekolah dan peguam muda, yang memberi ruang dan peluang kepada pihak sekolah dan mahkamah untuk saling

bekerjasama dan berkongsi pengetahuan dan pengalaman.

10. Saya percaya ramai pelajar-pelajar, malah di kalangan orang dewasa juga, tidak dapat membezakan apa itu Hakim, Majistret, Peguam dan Pendakwaraya. Walaupun mereka semua adalah dalam bidang undang-undang tetapi fungsi dan peranan mereka berbeza. Adalah penting untuk pelajar dan masyarakat

mengetahui dan memahami apakah peranan dan fungsi kerjaya tersebut. Untuk para pelajar khususnya, pengetahuan dan kefahaman contohnya, tentang fungsi dan peranan jawatan-jawatan Hakim, Majistret, Peguam dan Pendakwaraya, akan dapat membantu mereka memilih kerjaya yang sesuai.

11. Akhir kata, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat dalam menjayakan majlis ini dan saya berdoa agar program MYC2C akan memberikan manfaat kepada pelajar-pelajar dan juga akan memberikan impak terhadap pendedahan dan pendidikan awal sistem kehakiman dan perundangan negara kepada

pelajar-pelajar di bangku persekolahan.

12. Dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim saya dengan ini melancarkan Program Dari Bilik Bicara ke Bilik Darjah (MYC2C) dan portal MYC2C.

Sekian, terima kasih.